

Jenis Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 29/05/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 42

HARIAN METRO

Kuala Lumpur

Tahfiz, pondok disaran tubuh koperasi

Pihak pengurusan pusat tahfiz atau pondok disaran menubuhkan koperasi untuk menjana pendapatan sendiri daripada bergantung kepada sumbangan orang ramai dan peruntukan kerajaan saja.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Fattah Abdullah berkata, dengan penubuhan koperasi, ia dapat menarik minat ahli dan orang ramai untuk mananam modal seterusnya mengembangkan saham dalam pelbagai bentuk perniagaan.

“Pesantren di Indonesia sudah lama menubuhkan koperasi yang mana ia dapat menjadi contoh muamalat terbaik cara Islam yang sudah lama wujud sebenarnya,” katanya di sini, semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia